Lalchand Nathermal v Kamaluddin bin Maamor

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — GUAMAN SIVIL NO 22-245-87
ABDUL MALEK H
13 SEPTEMBER 1990

Acara Sivil — Pindaan — Perintah yang belum lagi disediakan dan disempurnakan — Sama ada pindaan kepada perintah dibenarkan — Functus officio — Keadaan atau situasi dalam mana perintah boleh dipinda — Akta Mahkamah Kehakiman 1964, s 68(2) — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A 56 k 2(2)

Di dalam kes ini, plaintif telah memohon untuk mendapat penghakiman muktamad terhadap defendan mengikut penyata tuntutan dan untuk kos. Pada 29 Mac 1989, ketika memberi hujah-hujah saman dalam kamar, peguam bagi pihak plaintif telah memberitahu penolong kanan pendaftar bahawa beliau ingin menarik balik tuntutan alternatif di prayer (b) sementara peguam bagi pihak defendan telah membantah terhadap penarikan balik prayer tersebut kerana beliau bersetuju dengannya pada ketika itu. Setelah menangguhkan perkara ini dari 29 Mac 1989 untuk menimbangkan hujah-hujah, penolong kanan pendaftar telah membuat keputusan pada 5 April 1989 bahawa tiada isu-isu yang patut dibicarakan dan memberi perintah seperti dipohon di prayer-prayer (b), (c), (d) dan (e) dengan kos dalam kausa.

Pada 18 Oktober 1989, pihak-pihak yang sama telah hadir di hadapan penolong kanan pendaftar yang sama untuk memuktamadkan draf perintah yang telah tidak dipersetujui oleh peguam kedua-kedua pihak. Pada tarikh tersebut, peguam bagi pihak plaintif telah membuat permohonan untuk menarik balik prayer (b) dan memohon kepada penolong kanan pendaftar untuk meminda perintah yang diberi pada 5 April 1989 dengan menggantikan prayer (b) dengan prayer (a). Permohonan ini telah dibantah oleh defendan tetapi penolong kanan pendaftar telah membuat pindaan tersebut. Peguam bagi pihak defendan telah berhujah bahawa perintah yang dibuat pada 5 April 1989 merupakan satu perintah persetujuan dan tidak seharusnya dipinda pada 18 Oktober 1989 dengan begitu sahaja. Tambahan lagi, tiada rayuan telah difailkan oleh plaintif tentang perintah itu.

Diputuskan, membenarkan rayuan defendan:

(1) Penolong kanan pendaftar adalah functus officio pada 5 April 1989 setelah mendengar hujah dari semua pihak dan tiada rayuan dibuat. Tidaklah menjadi relevan sama ada perintah telah disediakan dan disempurnakan atau sebaliknya pada masa beliau diminta menukar, meminda atau mengenepikan perintahnya sendiri. Beliau tidak boleh meminda perintah yang dibuat pada 5 April 1989 pada 18 Oktober 1989.

(2) Perbezaan perlu dibuat di antara menukar sesuatu penghakiman seperti dalam kes ini dan meminda sesuatu perintah hanya untuk memberi kesan sebenar penghakiman yang telah diumumkan.

[English summary

In this case, the plaintiff applied for final judgment against the defendant in terms of his statement of claim and costs. On 29 March 1989, while giving arguments in chambers, counsel for the plaintiff informed the senior assistant registrar that he wished to withdraw the alternative claim in prayer (b). Counsel for the defendant objected to this as he agreed with prayer (b) at that time.

After adjourning the matter on 29 March 1989 to consider the arguments, the senior assistant registrar on 5 April 1989 decided that there were no further issues to be tried and made an order in terms of prayers (b), (c), (d) and (e) with costs in the cause. On 18 October 1989, the same parties appeared before the same senior assistant registrar to finalize the draft order which could not be agreed upon by both counsel. On that date, counsel for the plaintiff applied to withdraw prayer (b) and requested that the senior assistant registrar amend the order given on 5 April 1989 by substituting prayer (b) with prayer (a). The application was objected to by the defendant but the senior assistant registrar made the amendment. Counsel for the defendant argued that the order made on 5 April 1989 was a consent order and should not be simply amended on 18 October 1989. Further to that, no appeal had been filed by the plaintiff against the order.

Held, allowing the defendant's appeal:

(1) The senior assistant registrar was functus officio on 5 April 1989 after hearing arguments from all parties and no appeal was made. It is not relevant whether the order had been prepared or perfected or otherwise at the time he was asked to change, amend or set aside his own order. He cannot amend the order made on 5 April 1989 on 18 October 1989.

(2) A distinction must be made between changing a judgment as in this case and amending an order just to give the real effect of a judgment which had been announced.]

Kes-kes rujukan

1 *Behn Meyer & Co (M) Sdn Bhd* v *Agropharm Sdn Bhd & Ors* [1988] 2 MLJ 636 (diikut)
2 *Tung Lieng (Penang) Trading Co Sdn Bhd* v *Liew Cheong Thye* [1986] 2 MLJ 197 (diikut)
3 *Hock Hua Bank Bhd* v *Sahari bin Murid* [1981] 1 MLJ 143 (diikut)
4 *Tan Ah Yeo & Anor* v *Seow Teck Ming & Anor* [1989] 2 MLJ 3 (dibezakan)
5 *Lim Yam Teck* v *Lim Swee Chiang & Anor* [1979] 1 MLJ 162 (dibezakan)

Undang-undang rujukan

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 68(2)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 56 k 2(2)

WJ Consicom dan *Chen Cheong Heng* bagi pihak plaintif.
Ariffin Hj Daud bagi pihak defendan.

Cur Adv Vult

Abdul Malek H: Pada 18 Oktober 1989, defendan telah memfailkan notis rayuan (lampiran 19) terhadap keputusan penolong kanan pendaftar yang arif yang telah diberi pada tarikh yang sama yang memerintahkan:

(a) defendan mengemukakan kepada plaintif keuntungan net yang betul firma tersebut untuk tempoh 1 Mei 1979 hingga 31 Disember 1982;
(b) bahawa penolong kanan pendaftar mahkamah ini menyiasat tentang akaun-akaun atau taksiran mengenai apa yang patut dibayar kepada plaintif;
(c) faedah 8% setahun dari 18 Mac 1983 hingga tarikh penyelesaian jumlah wang yang patut dibayar kepada plaintif;

(d) kos dalam keadaan amaun yang ditaksir lebih tinggi daripada amaun yang didepositkan oleh defendan kepada mahkamah ini;

walhal perbicaraan hanyalah untuk memuktamadkan draf perintah tentang penghakiman persetujuan yang dibuat pada 5 April 1989 iaitu:

(a) deklarasi bahawa keuntungan firma tersebut sebagaimana ditaksir atau akan ditaksir oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk tempoh 1 Mei 1979 hingga 31 Disember 1982 dianggap sebagai keuntungan net yang betul firma tersebut;
(b) bahawa penolong kanan pendaftar mahkamah ini menyiasat tentang akaun-akaun atau taksiran mengenai apa yang patut dibayar kepada plaintif;
(c) faedah 8% setahun dari 18 Mac 1983 hingga tarikh penyelesaian jumlah wang yang patut dibayar kepada plaintif;
(d) kos dalam keadaan amaun yang ditaksir lebih tinggi dari amaun yang didepositkan oleh defendan kepada mahkamah ini; dan

dengan menggantikan perintahnya pada 29 Mac 1989 yang tidak membenarkan permohonan lisan peguam plaintif untuk menarik balik prayer (b) iaitu 'deklarasi bahawa keuntungan firma tersebut sebagaimana ditaksir atau akan ditaksir oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk tempoh 1 Mei 1979 hingga 31 Disember 1982 dianggap sebagai keuntungan net yang betul firma tersebut', dengan membenarkan permohonan lisan peguam plaintif. Perlu dinyatakan di sini bahawa tarikh 29 Mac 1989 di perenggan 2 mungkin satu kesilapan kerana sungguhpun hujah-hujah didengar pada tarikh tersebut, tarikh keputusan sebenarnya ialah 5 April 1989.

Pada 23 Oktober 1989, melalui saman dalam kamar (lampiran 18), defendan telah memohon untuk perintah bahawa perlaksanaan atau penguatkuasaan penghakiman yang diberikan pada 18 Oktober 1989 digantung sehingga perbicaraan notis rayuan defendan kepada hakim dalam kamar untuk mengenepikan penghakiman tersebut yang difailkan pada 18 Oktober 1989 dan apa-apa perintah selanjutnya dan kos. Hujah-hujah telah didengar pada 5 Mac 1990 dan saya telah membuat keputusan pada 19 Mac 1990. Pada 30 Mac 1990, saya telah menolak permohonan plaintif untuk kebenaran merayu tetapi pada 13 Ogos 1990, plaintif berjaya mendapatkan kebenaran tersebut daripada Mahkamah Agung. Itu yang mengakibatkan rayuan ini.

Untuk bermula dari permulaannya, pada 29 Mac 1989 penolong kanan pendaftar yang arif telah mendengar hujah-hujah saman dalam kamar yang difailkan oleh plaintif pada 5 Oktober 1988 untuk perintah yang bermaksud plaintif berkebebasan mendapat penghakiman muktamad terhadap defendan mengikut penyata tuntutan dan untuk kos. Dalam penyata tuntutan, plaintif telah menuntut:

(a) perintah bahawa defendan mengemukakan kepada plaintif keuntungan net yang betul firma tersebut untuk tempoh 1 Mei 1979 hingga 31 Disember 1982;
(b) mengikut alternatif, deklarasi bahawa keuntungan firma tersebut sebagaimana ditaksir atau akan ditaksir oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk tempoh 1 Mei 1979 hingga 31 Disember 1982 dianggap sebagai keuntungan net yang betul firma tersebut;
(c) perintah bahawa penolong kanan pendaftar mahkamah ini menyiasat tentang akaun-akaun atau taksiran mengenai apa yang patut dibayar kepada plaintif;
(d) faedah 8% setahun dari 18 Mac 1983 hingga tarikh penyelesaian jumlah wang yang patut dibayar kepada plaintif;
(e) kos;
(f) apa-apa perintah lain atau selanjutnya yang adil dalam keadaan ini.

Dengan hormat, nota-nota yang dicatit oleh penolong kanan pendaftar yang arif terlalu sedikit tetapi intisarinya ialah peguam yang bijaksana bagi pihak plaintif telah menjelaskan tentang kelewatan dua tahun memfailkan permohonan A 14 dan bahawa beliau ingin menarik balik tuntutan alternatif di prayer (b) sementara peguam yang bijaksana bagi pihak defendan telah membantah terhadap penarikan balik prayer tersebut kerana beliau bersetuju dengannya pada ketika itu. Adalah sesuai berhenti sejenak di ketika ini untuk melihat semula prayer-prayer (a) dan (b). Melalui prayer (a), defendan dikehendaki mengemukakan kepada plaintif keuntungan net yang betul firma tersebut dari Mei 1979 hingga 31 Disember 1982 sementara melalui prayer (b), deklarasi bahawa keuntungan net tersebut yang ditaksir atau akan ditaksir oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk tempoh tersebut dianggap sebagai keuntungan net yang betul telah dipohon.

Setelah menangguh perkara ini dari 29 Mac 1989 untuk menimbangkan hujah-hujah, pada 5 April 1989 penolong kanan pendaftar yang arif telah membuat keputusan bahawa tiada isu-isu yang patut dibicarakan dan memberi perintah seperti dipohon di prayer-prayer (b), (c), (d) dan (e) dengan kos dalam kausa. Beliau juga telah membuat perintah bahawa mahkamah hendaklah melantik akauntan dari nama-nama yang akan diberi oleh plaintif, bahawa keputusan akauntan hendaklah menjadi muktamad dan bahawa defendan hendaklah menyediakan segala buku-buku akaun-akaun untuk tempoh berkenaan.

Pada 18 Oktober 1989, pihak-pihak yang sama telah hadir di hadapan penolong kanan pendaftar yang sama untuk memuktamadkan draf perintah yang telah tidak dipersetujui oleh peguam kedua-dua pihak. Pada tarikh tersebut, peguam yang bijaksana bagi pihak plaintif telah membuat permohonan, untuk menarik balik

prayer (b) dan memohon kepada penolong kanan pendaftar untuk meminda perintah yang diberi pada 5 April 1989 dengan menggantikan prayer (b) dengan prayer (a). Tentu sekali ini telah dibantah oleh peguam bijaksana bagi pihak defendan tetapi penolong kanan pendaftar yang arif telah memilih untuk meminda perintah tersebut dengan menggantikan prayer (b) dengan prayer (a) pula.

Di hadapan saya, peguam yang bijaksana bagi pihak defendan telah memberitahu mahkamah bahawa kes yang lebih awal antara pihak-pihak yang sama mengenai isu yang berlainan yang telah pun didengar oleh Mahkamah Agung telah mengambil masa lima tahun dan mempunyai lebih daripada 300 dokumen dan 700 mukasurat dalam bentuk ikatan. Alasan tunggalnya ialah dengan membuat perintah untuk prayer (b) pada 5 April 1989, ini bermakna bahawa pada tarikh itu penolong kanan pendaftar yang arif telah memutuskan tidak membenarkan permohonan plaintif untuk menarik balik prayer itu. Namun demikian, pada 18 Oktober 1989, dalam memuktamadkan draf perintah yang sama, beliau telah memindanya dari prayer (b) kepada prayer (a). Peguam yang bijaksana telah menambah bahawa beliau telah menyetujui prayer (b) dibuat dan oleh itu ini adalah perintah persetujuan. Tambah lagi, tiada rayuan telah difailkan oleh plaintif tentang perintah itu. Sebaliknya, peguam yang bijaksana bagi pihak plaintif telah berhujah bahawa oleh kerana beliau telah memohon menarik balik prayer (b) pada 29 Mac 1989, tiada persetujuan untuknya telah dicapai.

Oleh itu, isu yang tunggal ialah sama ada penolong kanan pendaftar yang arif betul dalam meminda pada 18 Oktober 1989 perintah yang dibuatnya pada 5 April 1989. *Behn Meyer & Co (M) & Co Sdn Bhd* v *Agropharm Sdn Bhd & Ors*,[1] telah memputuskan bahawa mengenai perintah mutlak yang digarnis, tiada keadah atau prinsip secara nyata atau secara implikasi yang membenarkan mahkamah yang membuat perintah mutlak menukar, meminda atau mengenepikan perintah itu. Seterusnya, mahkamah tiada bidang kuasa mengenepikan perintah yang dibuat secara mutlak. Sungguhpun kes itu melibatkan perintah mutlak yang digarnis, prinsip-prinsip yang sama hendaklah dipakai dalam kes ini tentang sejauh mana muktamadnya perintah yang dibuat pada 5 April 1989.

Dalam *Tung Lieng (Penang) Trading Co Sdn Bhd* v *Liew Cheong Thye*,[2] hakim Mahkamah Tinggi yang arif telah bertindak meminda terma-terma perintah yang dibuat dalam kamar selepas beliau telah memberi sijil tidak memerlukan hujah lanjut semasa mendengar permohonan penggantungan perlaksanaan. Mahkamah Agung berpendapat bahawa beliau functus officio dari ketika beliau mengeluarkan sijil di bawah s 68(2) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang menyatakan bahawa beliau tidak memerlukan hujah lanjut. Tambah lagi, Mahkamah Agung kukuh dengan pendapatnya dengan kata peruntukan A 56 k 2(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang memperuntukkan bahawa hakim boleh selepas mendengar hujah lanjut mengenepikan perintah yang dibuat sebelum itu dan membuat apa-apa perintah yang lain. Apabila beliau memutuskan tidak mahu mendengar hujah lanjut, dan sijil dikeluarkan, tempoh rayuan bermula dari tarikh keputusan itu dimaklumkan kepada pihak yang memohon hujah lanjut. Dalam kes ini, tempoh rayuan bermula dari tarikh keputusan pada 5 April 1989 dan penolong kanan pendaftar yang arif juga functus officio setakat mana yang melibatkan perintah ini.

Begitu juga, Mahkamah Persekutuan dalam *Hock Hua Bank Bhd* v *Sahari bin Murid*[3] telah memutuskan bahawa hakim yang arif functus officio dan mahkamah tiada kuasa di bawah mana-mana permohonan dalam tindakan yang sama untuk menukar, meminda atau mengenepikan penghakiman yang diperolehi secara biasa selepas ianya dibuat atau perintah selepas ianya disediakan, melainkan di bawah kaedah kesilapan, setakat yang perlu untuk membetulkan kesilapan dalam menyampaikan hasrat mahkamah, kecuali jika ianya penghakiman ingkar atau dibuat tanpa kehadiran satu pihak di perbicaraan atau pendengaran. Dalam kes itu, hakim yang arif telah membuat perintah penjualan secara lelong dalam prosiding foreclosure setelah mendengar kesemua pihak dan sungguhpun ada tuntutan non est factum dan pengataan fraud dan pemalsuan oleh responden. Perintah telah disediakan dan disempurnakan dan tiada rayuan dibuat. Responden telah memohon mengenepikan penghakiman tetapi permohonannya ditolak. Dia telah memohon sekali lagi dan pada kali yang kedua, hakim telah mengenepikan perintah-perintahnya sebelum itu. Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa hakim yang arif tiada bidang kuasa mengenepikan perintahnya sendiri dan perintah yang asal hendaklah dipulihkan semula dan responden diberi kebebasan untuk mengambil tindakan baru untuk mengenepikan perintah itu atas soal fraud.

Dalam kes ini juga, penolong kanan pendaftar yang arif telah mendengar semua pihak dan tiada rayuan dibuat. Perbezaan yang tunggal ialah perintah belum lagi disediakan dan disempurnakan. Walau bagaimanapun, Mahkamah Persekutuan tidak membuat perbezaan bahawa di mana perintah itu belum disediakan dan disempurnakan, hakim boleh menukar, meminda atau mengenepikan perintahnya sendiri. Pada pendapat saya, oleh kerana beliau functus officio, tidaklah menjadi relevan sama ada perintah telah disediakan dan disempurnakan atau sebaliknya pada masa beliau diminta menukar, meminda atau mengenepikan perintahnya sendiri. Seterusnya, pendapat saya setelah dipertimbangkan segalanya adalah penolong kanan pendaftar

yang arif functus officio pada 5 April 1989 dan tidak boleh meminda perintah yang sama pada 18 Oktober 1989.

Peguam yang bijaksana bagi pihak plaintif telah merujuk saya kepada *Tan Ah Yeo & Anor* v *Seow Teck Ming & Anor*[4] yang telah memutuskan bahawa mahkamah ada kuasa memanggil semula penghakiman yang dibuat sebelum itu dan untuk menukarnya pada bila-bila masa sebelum ianya disediakan dan disempurnakan. Tetapi kita mestilah lihat nota-nota kes dengan lebih dekat lagi untuk menyedari bahawa ada beberapa masalah komunikasi di antara mahkamah dan peguam yang terlibat dalam kes itu. Perbicaraan usul tentang perkara awal telah berlaku pada 4 Ogos 1988 dan penghakiman telah ditangguhkan pada 13 September 1988. Pada keesokan harinya, sebelum perintah dikeluarkan, peguam plaintif telah menulis meminta hujah lanjut oleh kerana penghakiman tidak menyentuh hujah mengenai artikel-artikel tertentu dalam Collision Convention dan kerana peguam itu telah memberitahu mahkamah sebelum penghakiman ditangguhkan bahawa beliau telah tidak dapat menentukan akan langkah-langkah yang telah diambil untuk membawa tuntutan sebelum tempoh had masa dua tahun disebabkan kesingkatan masa. Mahkamah, dalam pada itu, telah tertinggal perkara yang sama dalam penghakiman yang pertama kerana perkara itu telah tidak dihujahkan dengan sesungguhnya di ketika perbicaraan. Mengenai alasan kedua, mahkamah di bawah tanggapan bahawa peguam akan mengemukakan apa-apa komunikasi bertulis yang ada di antara pihak-pihak sebelum tamatnya tempoh had masa itu sementara peguam pula menyangkakan mahkamah akan meminta dokumen-dokumen berkenaan jika ia berpendapat ianya perlu. Dalam situasi inilah mahkamah telah memanggil balik penghakimannya yang telah dibuat. Di ketika itu juga, mahkamah telah bergantung kepada kes *Lim Yam Teck* v *Lim Swee Chiang & Anor*[5] di mana situasi yang serupa telah berlaku.

Sekali lagi, adalah perlu untuk mengkaji fakta-fakta kes yang kedua [kes *Lim Yam Teck*[5]] secara mendalam. Untuk kemudahan rujukan, adalah sesuai untuk mengemukakan petikan-petikan yang relevan dari kes itu:

> At the end of the hearing I dismissed the plaintiff's action with costs. In so doing I took the view that as the only damage to the pickup was on the rear just above the nearside tail light, this indisputable fact could not possibly fit in with the plaintiff's version of the accident and therefore preferred the defendant's versions of the accident. However when I heard the plaintiff and the defendant give evidence before me I formed the opinion that plaintiff was a truthful witness and gave a true account of the accident and not the defendant.
>
> After I had dismissed this action and arisen from court as I was not too happy with the end result I gave the matter further consideration and I then took the view that I may not be justified in having come to the conclusion that the plaintiff's version could not be reconciled with the indisputable damage found on the defendant's motor pickup.
>
> That same afternoon I directed my personal assistant to inform both counsel not to treat the matter as concluded and final as I would like to hear further submissions from them.
>
> Consequent on this direction both counsel appeared before me on a later date when I explained the circumstances to them and invited further submissions on the matter from them.

Pesuruhjaya kehakiman dalam *Tan Ah Yeo & Anor* v *Seow Teck Ming & Anor*[4] telah juga berpandukan petikan di perenggan 42/1/4 di ms 661 *Supreme Court Practice 1988* yang berbunyi:

> A judgment takes effect from the time when the judge pronounces it and the subsequent entry of it is a mere form in obedience to the direction of the court ... but it is within the powers of a judge to alter his judgment at any time before it is entered and perfected.

Juga ada baiknya jika ditimbangkan perenggan-perenggan (5), (6), (7) dan (8) *Supreme Court Practice 1976* Jilid I Bahagian I di ms 354 dari mana saya mengemukakan petikan-petikan yang relevan tanpa rujukan kes:

> (5) Interlocutory orders stand in the same position as final orders, and cannot be altered save by means of an appeal, save in certain cases expressly provided for: for example, the court has now power to revoke or vary an order made under O 38 rr 2 to 6 (O 38 r 7); an order made for discovery and inspection of documents (O 24 r 17), and an order for interrogatories (O 26, r 8); and under O 33 r 4(1), an order as to place and mode of trial may be varied. But it appears that although the substance of the order cannot be changed, the method of giving effect to it may be.
>
> (6) Before entry of judgment or the drawing up of an order, the court may reconsider the matter. An order made in chambers in the Chancery Division may be varied at any time before entry.
>
> (7) The power of a judge in court to discharge or vary orders made in chambers does not apply to matters of practice and procedure.
>
> (8) A judgment may be set aside if entered irregularly and contrary to the Rules, or for a sum in excess of that due. The application is made in chambers.

Pertimbangan yang teliti tentang kesan kumulatif kesemua ini menunjukkan bahawa selepas penghakiman diumumkan, ianya tidak boleh ditukar melainkan mengikut budibicara dan situasi-situasi yang tertentu tetapi tentu sekali ianya tidak boleh, pada pendapat saya, termasuk situasi seperti dalam kes ini di mana penolong kanan pendaftar yang arif hanya perlu memutuskan di antara prayer (a) dan prayer (b) secara alternatif pada 5 April 1989. Beliau telah memutuskan untuk yang kedua tetapi perintah berkenaan telah tidak disediakan buat sementara waktu sehingga pihak-pihak hadir di hadapan beliau untuk memuktamadkannya kerana mereka tidak

bersetuju. Ini selepas lebih daripada enam bulan kemudian pada 18 Oktober 1989. Bolehkan beliau menukar fikiran selepas tempoh masa itu telah berlalau? Perbezaan perlu juga dibuat di antara menukar sesuatu penghakiman seperti dalam kes ini dan meminda sesuatu perintah hanya untuk memberi kesan sebenar penghakiman yang telah diumumkan yang tidak boleh dipakai di sini. Kes-kes *Tan Ah Yeo & Anor* v *Seow Teck Ming & Anor*[4] dan *Lim Yam Teck* v *Lim Swee Chiang & Anor*[5] melibatkan isu-isu yang lebih rumit dan mahkamah dalam kedua-dua kes itu telah memutuskan untuk menukar penghakimannya sejurus kemudian.

Lagipun, pendapat saya ialah lebih wajar dalam keadaan tersebut untuk Jabatan Hasil Dalam Negeri menaksir keuntungan net firma tersebut dari tempoh 1 Mei 1979 hingga 31 Disember 1982 seperti dinyatakan di prayer (a). Mengikut lojik, defendanlah yang patut membantah kepada prayer (b) dan bukannya plaintif yang tidak dimudaratkan langsung dengan penaksiran neutral. Ditimbangkan dengan semua autoriti-autoriti yang disebutkan tadi, saya telah membenarkan rayuan defendan dengan memulihkan semula perintah penolong kanan pendaftar pada 5 April 1989, mengarahkan tiap-tiap pihak menanggung kos masing-masing dan menolak kebenaran merayu ke Mahkamah Agung semasa ianya dipohon oleh peguam plaintif yang bijaksana pada 30 Mac 1990.

Rayuan dibenarkan.

Peguamcara: *Consicom & Co; Ariffin & Co.*

Dilaporkan oleh *Choong Yeow Choy*